

# Najib perlu beri penjelasan keluar kenyataan keliru

Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak, diberikan masa hingga Selasa depan untuk memberi penjelasan berhubung dakwaan beliau mengeluarkan kenyataan mengelirukan Dewan Rakyat, mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan kewangan negara minggu lalu.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun, berkata kebenaran itu diberi selepas Najib mohon penangguhan memberikan penjelasan, kelmarin.

"Saya menerima surat (Ahli Parlimen) Pekan yang meminta pelanjutan masa hingga Rabu depan, namun saya membenarkan hingga pagi Selasa minggu depan.

"Justeru, tidak timbul persoalan Yang Berhormat Pekan mengingkari arahan saya, sebab saya yang memutuskan untuk memberi masa hingga pagi Selasa minggu depan," katanya ketika menjawab usul Tony Pua (PH-Damansara) di Dewan Rakyat, semalam.

Tony dalam usulnya mahu Najib dirujuk ke Jawatankuasa Khas Pilihan kerana mengingkari arahan Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk memberi penjelasan berhubung kenyataan bekas Perdana Menteri itu yang didakwa mengelirukan Dewan Rakyat berkaitan isu 1MDB dan kewangan negara.

Jawapan Azhar itu bagaimanapun menimbulkan perasaan tidak puas hati Tony yang menyifatkan alasan berkempen pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang didakwa diberikan Najib untuk memohon pelanjutan tem-

poh memberi penjelasan itu sebagai tidak munasabah.

Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) kemudian bangun mencelah dan menggesa Tony menghormati keputusan dibuat Azhar.

Namun, pencelahan itu mencetuskan pertikaian kecil antara Abdul Azeez dengan beberapa

Ahli Parlimen pembangkang, menyebabkan Azhar bersuara menegaskan keputusannya.

"Sebenarnya itu keputusan saya yang membenarkan pelanjutan masa. Saya sudah maklumkan, beliau tidak mengingkari sebab saya yang memberi pelanjutan masa hingga Selasa depan jam

10 pagi. Itulah keputusan saya," katanya.

Azhar berkata, amalan mendapatkan penjelasan daripada Najib dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, diperlukan sebelum sebarang keputusan berkaitan dibuat.

"Apa yang disebut Yang Berhormat Pekan ialah prinsipal hutang (1MDB). Saya perlu melihat penjelasan atas perkara itu sebelum membuat keputusan membenarkan atau menolak usul Yang Berhormat Damansara.

"Dalam perkara ini, saya memohon penjelasan dua orang, iaitu Yang Berhormat Pekan dan Menteri Kewangan kerana Menteri ketika menjawab soalan Yang Berhormat Bagan pada hari keesokannya sudah menyatakan bahawa kerajaan membayar hutang 1MDB.



Azhar Azizan Harun